



21 Ramdhan 1447H
11 Mac 2026M

Rujukan: CL/KM3K/PENT/05/PEN

**SAMBUTAN MAJLIS NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM
TAHUN 1447 HIJRAH BERSAMAAN 2026 MASEHI BAGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA KELOLAAN JABATAN TANAH.**

(Untuk Disiarkan pada 12 Mar 2026)

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Mac 2026 - Sambutan Majlis Nuzul Al-Quran bagi tahun 1447 Hijrah telah diadakan pada 21 Ramadhan 1447 Hijrah bersamaan 11 Mac 2026 di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Mulia Sr. Dayang Hajah Norhayati Binti Haji Mohammad Yaakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Dan Pembinaan), Yang Mulia Dayang Aldila Binti Haji Mohamad Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat Dan Undang-Undang), Yang Mulia Awang Haji Shahrudin Khairul Bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan Dan Profesional), serta Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Majlis awal dimulakan dengan mendengarkan bacaan ayat suci al-Quran, surah Al-Hasyr ayat 18 hingga 24 oleh Abdul Halim bin Haji Jainih @ Haji Zaini daripada Pejabat Tanah Daerah Temburong dan diikuti dengan bacaan terjemahannya yang dibacakan oleh Awang Khairulakmal Hafizi bin Moharor, daripada Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara.





Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim seramai 87 orang dan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda, tetamu kehormat Majlis.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah itu diadakan bertujuan untuk menyemarakkan lagi Majlis sempena Nuzul Al-Quran bagi Kementerian Pembangunan. Disamping itu, Majlis juga diharap akan menyemai semangat keprihatinan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat khususnya kepada anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam. Melalui bacaan ayat suci Al-Qur'an serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim, acara ini diharap dapat memperkukuh nilai ukhuwah, meningkatkan ketakwaan, serta mengingatkan kita semua tentang tanggungjawab untuk terus beramal dan berbakti sesama insan terutama di bulan Ramadhan.

#####

